

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan 'One Stop Centre' bagi menempatkan bantuan makanan dan keperluan asas kepada penduduk yang dilanda banjir dan bencana alam lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai persiapan untuk menguruskan sumbangan daripada sumber-sumber seperti NGO, orang awam serta pihak swasta, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menyediakan pusat-pusat pengumpulan di fasiliti JPAM dan ATM di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan pihak-pihak yang ingin memberikan sumbangan. Daripada fasiliti-fasiliti tersebut, sumbangan-sumbangan ini akan diuruskan pengagihannya kepada kawasan-kawasan yang terjejas. NADMA beserta sekretariat pengurusan bencana negeri dan daerah juga menguruskan sumbangan yang ingin diberikan terus kepada kawasan-kawasan yang terjejas daripada penyumbang tempatan

Selain dari itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan sebanyak 570 buah pengkalan hadapan, 68 buah mini-depot dan 5 buah depot simpanan keperluan bencana yang menyimpan bekalan makanan di seluruh negara sebagai persediaan untuk menghadapi bencana. Bekalan makanan ini akan dihantar ke pusat-pusat pemindahan (PP) apabila berlakunya bencana dengan bantuan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana di peringkat daerah dan negeri. JKM juga mengenal pasti dan melantik 1,157 pembekal untuk membekalkan bahan untuk memasak dan makanan basah.

NADMA dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga telah menyediakan **kit bantuan makanan permulaan** kepada penduduk di kawasan yang berisiko tinggi mengalami bencana

banjir. Langkah ini adalah penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengurusan sedia ada di pusat pemindahan. Kit bantuan makanan ini dapat membantu setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpindah untuk menyediakan sedikit keperluan asas makan minum awalan kepada semua anggota keluarga masing-masing sebelum bantuan secara menyeluruh disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sekian.